SOALAN NO. :22

DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 15 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN :

Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah-langkah Kementerian di dalam memelihara hutan di Malaysia. Adakah benar dakwaan Badan Bukan Kerajaan di Eropah bahawa negara mengalami penyahutanan (*deforestation*) yang membimbangkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sentiasa komited dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan selaras dengan komitmen negara semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Jeneiro pada tahun 1992. Pendirian Kerajaan Malaysia ini diperkukuhkan lagi semasa *21st Conference of Parties* (COP) *to the United Nations Forum on Climate Change* (UNFCCC) dan COP 22 yang telah diadakan di Paris, France pada 7-11 Disember 2015 dan COP 22 yang telah diadakan di Marrakech, Morocco pada 7-18 November 2016.

Keluasan hutan yang diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah Seksyen 7, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Cadangan Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia pada tahun 2016 adalah seluas 4,924,153 hektar. Kawasan ini tidak termasuk kawasan hutan yang diwartakan sebagai Rezab Hidupan Liar dan Taman Negara serta kawasan berhutan dalam Tanah Kerajaan yang lain. Antara langkah-langkah yang diambil dalam menjayakan komitmen ini adalah seperti berikut:

i. Mempergiatkan usaha ke arah mewartakan kawasan-kawasan berhutan sebagai Hutan Simpanan Kekal dan kawasan terlindung sepenuhnya;
ii. Mempertingkatkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan hutan melalui aktiviti penanaman pokok-pokok spesies hutan dikawasan hutan terosot;

iii. Menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan Negeri setiap 10 tahun bagi tujuan pentadbiran, pengurusan dan pembangunan HSK secara berkekalan;

iv. Melaksana dan meningkatkan aktiviti penguatkuasaan hutan secara bersepadu dengan Agensi Kerajaan yang berkaitan bagi menangani aktiviti pencerobohan dan kesalahan hutan;

v. Mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) perhutanan termasuk kaedah pengusahasilan yang berimpak rendah;

vi. Meningkatkan kesedaran awam melalui kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) / Sekolah / Institusi Pendidikan Tinggi dan Agensi-Agensi Kerajaan yang berkaitan mengenai kepentingan hutan dan pemeliharaan alam sekitar;

vii. Menyedia, melaksana dan memantau Catuan Tebangan Tahunan (CTT) setiap tempoh Rancangan Malaysia Lima Tahun bagi kawasan hutan pengeluaran dalam HSK; dan

viii. Menjana pendapatan melalui potensi baru selain daripada kayu balak termasuk inisiatif REDD+ dan bayaran bagi perkhidmatan ekosistem (Payment for Ecosystem Services - PES) bagi mengurangkan kebergantungan peruntukan kewangan daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan langkah yang diambil tersebut kedudukan penyahhutanan (*deforestation*) adalah masih terkawal. Rekod menunjukkan dalam tempoh lima (5) tahun, keluasan HSK di Semenanjung Malaysia masih mengekalkan keluasan sebanyak 4.9 juta hektar. Sehubungan dengan itu dakwaan Badan Bukan Kerajaan di Eropah bahawa

negara mengalami penyahhutanan (deforestation) yang membimbangkan adalah tidak benar.

Bagi usaha pemeliharaan hutan negara di peringkat antarabangsa, Malaysia sedang aktif merundingkan pelaksanaan dan membangunkan dasar bagi program Reducing Emissions from Deforestation and Degradation and the Role of Conservation, Sustainable Management of Forests and Enhancement of Forest Carbon Stocks in Developing Countries (REDD+) di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC).

Malaysia juga sedang berusaha untuk mendapatkan pembiayaan Results Based Payments (RBP) program REDD+ melalui dana Green Climate Fund (GCF). Dana RBP ini akan digunakan untuk pelaksanaan program REDD+. Bagi tujuan ini, Malaysia telah melaksanakan pelbagai aktiviti di peringkat antarabangsa dan nasional serta 'engagement' dengan pihak berpentingan (stakeholders) seperti Kerajaan Negeri dan badan bukan kerajaan bagi memastikan pelaksanaan mekanisme REDD+ berjalan lancar.]

Sekian, terima kasih.

SOALAN (23)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15 NOVEMBER 2017
[RABU]

DARIPADA : YB DATO' SRI BUNG MUKHTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]

SOALAN :-

YB Dato' Sri Bung Mukhtar Bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan jangka pendek serta perancangan jangka panjang pihak Kerajaan dalam menunjukkan kesungguhan untuk mempertingkatkan pendapatan rakyat yang tinggal dalam kawasan bandar dan juga luar bandar.

37

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang meliputi langkah jangka pendek dan jangka panjang, Kerajaan terus memberikan fokus untuk mempertingkat pendapatan rakyat sama ada di bandar atau pun di luar bandar. Penekanan diberikan kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (isi rumah B40) melalui strategi-strategi berikut:

Pertama: **Pembangunan Modal Insan dan Gunatenaga** dengan mengurangkan kadar keciciran pelajar dalam kalangan isi rumah B40; meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi; meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi; menarik pelaburan di kawasan majoriti B40 untuk mencipta peluang pekerjaan dengan pendapatan yang lebih baik, meningkatkan kebolehpasaran dan *employability* graduan;

Kedua: **Pembangunan Keusahawanan** dengan meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu; pembangunan kapasiti dan kapabiliti,

membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial; meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden; menarik pelaburan di kawasan majoriti B40 untuk mencipta peluang perniagaan yang lebih luas, menggalakkan keusahawanan secara atas talian (*online*); dan

Ketiga: **Meningkatkan Pemilikan Kekayaan** dengan memperluas program pelaburan seperti Amanah Saham Wawasan (ASW), Amanah Saham Gemilang (ASG) dan Amanah Hartanah Bumiputera (AHB).

Pelaksanaan strategi-strategi di atas telah berjaya meningkatkan pendapatan rakyat yang tinggal di luar bandar dan merapatkan jurang ketidakseimbangan pendapatan penduduk bandar dan luar bandar seperti berikut:

	2014	2016
Pendapatan purata		
Bandar	6,833	7,671
Luar bandar	3,831	4,359
Nisbah Pendapatan		
Luar bandar: Bandar	1: 1.78	1: 1.76

Sekian. Terima kasih.

15 November 2017